



**PENUH MINAT:** Abdullah melihat CCTV yang dikendalikan MBBJ ketika melawat pameran selepas melancarkan MSC Malaysia Cybercenter @ Menara MSC Cyberport di Johor Bahru, semalam. Turut hadir Abdul Ghani dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis.

# Gencatan senjata tidak lengkap

**J**OHOR BAHRU: Pertubuhan Persidangan Islam (OIC); menyifatkan pengumuman gencatan senjata di Lubnan yang ditaja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hanya dibuat untuk mengembirakan masyarakat dunia.

Pengerusi OIC, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata hakikatnya gencatan senjata yang sepatutnya berkuat kuasa serta-merta mulai semalam itu belum dapat dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Israel.

"Ia hanya ada persetujuan. Ini yang tidak baik kerana keputusan dibuat hanya untuk mengembirakan masyarakat dunia bahawa kononnya sudah ada penyelesaian dibuat mengenai apa yang berlaku di Lubnan.

"Tapi apa ertinya penyelesaian jika resolusi diterima tetapi pelaksanaannya tidak dikuatkuasakan. Israel masih terus mengambil kesempatan untuk membedil kawasan di Lubnan.

"Jika resolusi berhubung gencatan senjata itu tidak dilaksanakan, ia sama lah seperti dengan tiada penyelesaian," katanya selepas melancarkan MSC Malaysia Cybercenter @ Menara MSG Cyberport, di sini, petang semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan rejim Israel masih yang mengerahkan tenteranya membedil Lubnan secara berterusan melalui serangan udara.

Sementara itu di JAKARTA, Ab-

dullah mengulangi komitmen Malaysia untuk terus menyokong proses damai di Aceh dan menyumbang ke arah meningkatkan peluang pekerjaan dan "sosioekonomi di wilayah

utara kepulauan Sumatera itu.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, sempena ulang tahun pertama pengesahan Memorandum Persefahaman Damai Helsinki antara Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus menggalakkan komuniti perniagaannya melabur di Aceh.

"Kami berharap kegiatan sedemikian akan menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan dan sosioekonomi," katanya dalam perutusan sempena persidangan antarabangsa 'Mewujudkan Kedamaian Berpanjangan di Aceh: Setahun Selepas Perjanjian Helsinki', di sini, semalam.

**FAKTA NOMBOR**

**OIC**

**57**

Negara anggota

---

**14**

Negara dan badan pemerhati